

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini serta terma dan syaratnya sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Kemudahan Pembiayaan Tunai-i**. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda memerlukan penerangan lanjut berkenaan butiran di dalam dokumen ini atau terma am.



1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah kemudahan pembiayaan peribadi Islam ("Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i") tanpa cagaran yang ditawarkan kepada individu. Kadar keuntungan dikira berdasarkan kadar tetap.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Komoditi Murabahah melalui penyusunan Tawarruq, di mana pelanggan (melalui YYP sebagai ejen) membeli komoditi daripada Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad (No. Pendaftaran: 249763-U) ("YYP") secara bayaran tertangguh (ansuran) dan YYP dilantik untuk menjual komoditi tersebut bagi pihak pelanggan kepada pihak ketiga atas dasar bayaran serta merta. Aset di dalam kontrak jualan dan belian merupakan komoditi yang patuh Syariah. Hasil jualan komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan semasa proses pembayaran.

3. Apakah maksud akad?

Akad adalah tawaran yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dalam proses urusniaga terhadap Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i. Pelanggan perlu memahami soalan dan/atau pengesahan yang dikemukakan semasa proses akad dan memberikan butiran yang sewajarnya. Semua perbualan semasa akad akan dirakam.

4. Apakah ciri-ciri produk?

Anda harus memastikan bahawa jumlah Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i tertakluk kepada lingkungan seperti di bawah.

- Jumlah Kemudahan Minimum : RM3,000 (Sem. Malaysia) RM2,500 (Sabah, Sarawak)
- Jumlah Kemudahan Maksimum : RM150,000
- Tempoh Kemudahan Minimum : 1 tahun (12 bulan)
- Tempoh Kemudahan Maksimum : 10 tahun (120 bulan)

5. Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah Kemudahan : RM 18,000*
- Tempoh Kemudahan : 120* bulan
- Kadar Keuntungan : 7.99* %
- Harga Jualan : RM 32,382*

6. Apakah obligasi saya?

Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan (pada hari pertama setiap bulan).

- Ansuran Bulanan : RM 269.85*
- Pendahuluan Ansuran Bulanan : 1* bulan
- Harga Jualan yang perlu dibayar : RM 32,382*

7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
- Yuran Wakalah
- Caj Pentadbiran (jika berkenaan)
- Caj Penyata Penyelesaian Awal (jika berkenaan)

8. Apakah cara pembayaran ansuran bulanan saya?

Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan (pada hari pertama setiap bulan). Pembayaran ansuran bulanan adalah melalui potongan gaji bulanan. Pembayaran ansuran bulanan akan dibuat melalui kemudahan *Direct Debit* atau arahan tetap sekiranya skim potongan gaji bulanan tidak dapat diaktifkan dan/atau diberhentikan. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk memberi notis bertulis kepada YYP sekiranya terdapat perubahan pada akaun kemasukan gaji bulanan / akaun yang dinyatakan dalam Borang Kebenaran *Direct Debit* serta mengemaskini butiran akaun dengan YYP dan menandatangani Borang Kebenaran *Direct Debit* yang baru.

9. Adakah yuran guaman dikenakan ke atas permohonan saya?

Tiada yuran guaman dikenakan ke atas permohonan.

10. Adakah terdapat liputan perlindungan Takaful untuk produk ini?

Tiada liputan perlindungan Takaful untuk produk ini.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.

12. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian penuh ke atas Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal sepenuhnya boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum tempoh matang. YYP akan mempertimbangkan pemberian rebat (Ibra') setelah mengambil kira caj atau yuran berhubung dengan peruntukan dan penyediaan kemudahan ini (jika berkenaan) atau kos lain yang ditanggung oleh YYP akibat penyelesaian awal Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i.

13. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya?

Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:

- Semasa Tempoh Kemudahan
Caj bayaran lewat sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan ke atas bayaran ansuran tertunggak.
- Selepas Tempoh Matang Kemudahan
Caj bayaran lewat berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (*Islamic Interbank Money Market* atau *IIMM*) akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak Harga Jualan sehingga pembayaran penuh Harga Jualan.
- Kemungkiran
Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) lebih daripada satu (1) bulan ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.

YYP berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi.

* untuk ilustrasi sahaja



14. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888
Emel : pertanyaan@yyp.com.my

15. Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?

a. Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi pembayaran anda, sila hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif di:

Tel : 03 – 4047 0888
Emel : pertanyaan@yyp.com.my

b. Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888
Emel : pertanyaan@yyp.com.my

16. Dari manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda perlukan penerangan lanjut tentang produk-produk kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888
Emel : pertanyaan@yyp.com.my
Laman web : www.yyp.com.my

Saya telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat Lampiran Keterangan Produk Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i*.

.....
Nama :
No. K.P. :
Tarikh :

